

Apakah perkara-perkara yang tidak dilindungi di bawah Perkhidmatan Tele Bantuan?

Perkara-perkara berikut tidak akan dilindungi di bawah Perkhidmatan Tele Bantuan:

- a) Perkhidmatan yang tidak disediakan atau diluluskan secara terus terlebih dahulu oleh pengendali perkhidmatan Tele Bantuan kami;
- b) Sebarang kos atau perbelanjaan yang tidak dilindungi di bawah program ini;
- c) Kos perkhidmatan yang boleh dituntut di bawah sijil Takaful Motor Persendirian Komprehensif;
- d) Sekiranya kenderaan yang dilindungi telah diubahsuai untuk penyertaan dalam perhimpunan dan perlumbaan atau pengubahsuaian tersebut bertentangan dengan peraturan-peraturan kerajaan;
- e) Sebarang kenderaan persendirian yang digunakan bagi tujuan komersial atau perniagaan atau berdaftar selain daripada kenderaan bermotor persendirian (kecuali motosikal);
- f) Apabila kunci kereta tidak disediakan, rosak atau dikunci di dalam kenderaan yang dilindungi;
- g) Tundaan untuk kenderaan yang dilindungi bagi tujuan melupuskan kenderaan;
- h) Tundaan untuk kenderaan yang dilindungi bagi tujuan memindahkan kenderaan daripada satu bengkel ke bengkel yang lain;
- i) Jika kenderaan yang dilindungi mengalami kerosakan dan tidak boleh bergerak di atas permukaan jalan yang tidak berturap atau jalan yang tidak diwartakan di Malaysia.